

# Tingkat konsep usaha sama Malaysia-China

Daripada ZAINI HASSAN

**S**HANGHAI 30 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap syarikat-syarikat dari Malaysia dan China meningkatkan lagi konsep usaha sama sesama mereka, selain mengajak pengusaha negara ini menjadikan Malaysia sebagai tapak lancar dagangan ke Asia Tenggara dan sekitarnya.

Kata beliau, masa telah tiba bagi kedua-dua pihak meningkatkan kerjasama kerana faedah daripada pelaburan atas semangat ini membolehkan unsur-unsur pembinaan keupayaan serta pertukaran kepakaran dan teknologi dapat dijalankan.

"Saya berharap melalui konsep ini, ia akan membuka kepada kerjasama lebih erat pada masa depan," katanya semasa merasmikan Shanghai BSW Petropipe Co. Ltd. (BSW) - projek usaha sama UMW ACE (L), anak syarikat

UMW dari Malaysia dengan syarikat Baoji Petroleum Steel Pipe dan Tube Corp. Ltd., anak syarikat Perbadanan Petrolium Kebangsaan China (CNPC), di sini hari ini.

Usaha sama itu memabitkan projek pengeluaran paip untuk kegunaan industri minyak dan gas. UMW ACE memegang ekuiti 49 peratus manakala Baoji (51 peratus).

BSW, ialah sebuah syarikat dengan modal berjumlah RM37.6 juta dan jumlah aset kira-kira RM69 juta, terbabit dalam sektor pengeluaran, perniagaan paip besi yang digunakan untuk laluan paip minyak dan gas jarak jauh dan pembinaan rangkaian paip gas dalam bandar.

Kilangnya yang siap dibina dalam tempoh lima bulan terletak di pusat industri Yuepudekat sini.

Menurut Abdullah, beliau berbangga kerana projek usaha sama itu akhirnya membuatkan

hasil setelah memorandum persefahaman (MOU) mengenainya ditandatangani semasa kunjungannya ke negara ini, semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri tahun lalu.

Perdana Menteri tiba di bandar raya ultra-modern ini hari ini dari Beijing, dalam rangka lawatan rasmi lima harinya sehingga esok di negara ini.

Selepas majlis itu, beliau menghadiri mesyuarat dengan Dewan Perniagaan dan Perdagangan Antarabangsa Shanghai di sini. Beliau kemudian mengadakan pertemuan dengan Datuk Bandar Shanghai, Han Zheng.

Pada malam, beliau dan rombongan menyusur Sungai Huang Pu.

Esok, hari terakhir dalam rangka lawatan ke negara ini, Abdullah akan mengadakan satu pertemuan penting dengan ahli perbankan dan pelaburan antarabangsa Shanghai.

Setelah melawat kawasan baru Shanghai Pu-

dong, beliau akan berucap pada majlis makan tengah hari Forum Perniagaan Malaysia-China, anjuran Petronas.

Kira-kira 140 delegasi Malaysia, memabitkan pegawai-pegawai kerajaan, perniagaan dan rakan China mereka akan hadir di dialog itu. Abdullah dan rombongan dijadual berlepas pulang ke tanah air, petang esok.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz ketika menghadiri dialog dengan Dewan Perniagaan dan Perdagangan Antarabangsa Shanghai di sini berkata, ahli-ahli perniagaan China di sini memang berminat melabur di Malaysia dan bertanyakan syarat, insentif dan faedah-faedah lain yang terdapat di sana.

"Malah mereka yang antaranya mahu tahu mengenai konsep *Malaysia rumah keduku* di mana mereka boleh tinggal di Malaysia selama lima tahun," katanya.

Menurut Rafidah, Perdana Menteri telah meminta kementerianya memberi kemudahan, insentif dan membenarkan mereka membawa masuk pekerja-pekerja yang diperlukan seperti pekerja mahir.

Dalam pada itu, kata beliau, Perdana Menteri turut menasihatkan para pelabur yang mahu melabur di Malaysia supaya berhati-hati dengan pihak-pihak yang cuba mengambil kesempatan menipu dan sebagainya.

"Perdana Menteri menenangkan, orang Malaysia semuanya baik. Tetapi mana nak tahu satu dua tu kalau terkena kepada mereka, maka reputasi kita buruk.

Perdana Menteri minta berhati-hati, Kita boleh bantu mereka meneliti senarai orang yang boleh kita temukan dengan mereka," kata Rafidah kepada wartawan mengenai hasil dialog yang diadakan secara tertutup itu. — *Utusan*